

GARIS PANDUAN MENDAFTARKAN SYARIKAT ASING DI MALAYSIA

1. Permohonan carian nama

Carian nama hendaklah dibuat bagi menentukan nama yang dipilih boleh digunakan untuk mendaftarkan syarikat asing berkenaan:

- i. Lengkapkan Borang 13A;
- ii. Sertakan bayaran RM30.00 bagi setiap nama yang dipohon.

Nama yang hendak digunakan bagi tujuan pendaftaran syarikat asing di Malaysia hendaklah sama dengan nama syarikat yang telah ditubuhkan di negara asal.

Jika diluluskan, nama akan direzab selama 3 bulan dari tarikh kelulusan.

2. Serahsimpan dokumen pendaftaran.

Dalam tempoh 3 bulan dari tarikh kelulusan, dokumen-dokumen pendaftaran mestilah diserahsimpan. Sekiranya gagal berbuat demikian dalam tempoh tersebut, permohonan semula carian nama perlu dibuat.

Dokumen pendaftaran syarikat asing:

- i. Salinan sijil penubuhan syarikat asing dari negara asal yang disahkan atau dokumen yang serupa;
- ii. Salinan surat cara yang disahkan yang menentukan perlembagaannya, statut atau Memorandum dan Artikel syarikat;
- iii. Borang 79 – Senarai dan butir-butir pengarah syarikat asing;

Nota: Sekiranya terdapat lembaga pengarah tempatan yang menetap di Malaysia, sertakan memorandum menyatakan kuasa mereka.

- iv. Memorandum perlantikan atau surat kuasa wakil yang memberi kuasa kepada orang yang bermastautin di Malaysia atau ejen syarikat untuk menerima bagi syarikat dan notis dikehendaki disampaikan kepada syarikat;
- v. Borang 80 - Akuan berkanun yang dibuat oleh ejen syarikat;
- vi. Dokumen tambahan:

- a. Borang 13A asal; dan
- b. Salian surat kelulusan nama syarikat dari SSM.

Sekiranya terdapat dokumen dalam bahasa asing selain daripada Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, sertakan terjemahan yang disahkan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

Fi Pendaftaran

Bayaran pendaftaran adalah seperti jadual di bawah:

AUTHORISED SHARE CAPITAL (RM)	FEES (RM)
Sehingga 100,000	1,000
100,001 – 500,000	3,000
500,001 – 1 Million	5,000
1,000,001 – 5 Million	8,000
5,000,001 – 10 Million	10,000
10,000,001 – 25 Million	20,000
25,000,001 – 50 Million	40,000
50,000,001 – 100 Million	50,000
100,000,001 and above	70,000

1. Bagi menentukan bayaran pendaftaran, modal syer yang dibenarkan dalam syarikat asing hendaklah terlebih dahulu ditukarkan ke mata wang Malaysia pada kadar tukaran semasa.
2. Syarikat asing yang tidak menyatakan modal syer, kadar bayaran sebanyak RM 1,000.00 perlu dibayar kepada SSM.

Perakuan Pendaftaran

Perakuan pendaftaran syarikat asing (A Certificate of Registration of Foreign Company) (Borang 83) akan dikeluarkan dalam masa 1 hari apabila dokumen didapati sempurna dan mematuhi prosedur.